



GANJARAN pusingan awal menjadi pemangkin semangat buat 16 pasukan beraksi lebih mantap pada pusingan kedua.

Cabaran bermula

16 pasukan bertanding dalam aksi pusingan kedua Liga IPT

FAKTA

Venue perlawanan peringkat kumpulan

- **Kumpulan A**
(Stadium UITM)
UM, KKG, UITM, KKBD
- **Kumpulan B**
(Stadium UPM)
PKB, UTM, UTHM, UNISEL
- **Kumpulan C**
(Stadium USIM)
UITM Sarawak, UMS, PK, USZA
- **Kumpulan D**
(Stadium UKM)
KKKB, UUM, KYS, UKM

Oleh Muhammad Khairil S Iswan
mkhairil@bharian.com.my

MEMULAKAN aksi hari ini sehingga ke penentuan final, Sabtu depan pasti memerlukan corahan keringat dan tumpuan yang cukup besar.

Situasi itu bakal dihadapi semua 16 pasukan bertanding dalam aksi pusingan kedua Liga Bola Sepak Institut Pengajian Tinggi (Liga IPT) dengan cabaran sengit dalam keempat-empat kumpulan apabila hanya johan kumpulan akan mara ke pusingan seterusnya.

Juara Unileague musim lalu, Universiti Teknologi MARA (UITM) pasti mahu menebus kekalahan dalam aksi pusingan zon selepas



tumpas kepada Kolej Komuniti Grik (KKG) namun cabaran daripada Universiti Malaysia (UM) dan naib juara Zon Selatan, Kolej Komuniti Bandar Darulaman (KKBD) juga tidak boleh dipandang enteng dalam Kumpulan A.

UM dikemudi bekas pemain kebangsaan, Faridzul Kassim menang dalam semua perlawanan peringkat kumpulan dengan menumbangkan pencabar utama, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam aksi

Zon Tengah 2 dan satu lagi pasukan Kolej Komuniti Bandar Darulaman (KKBD).

Kumpulan B pula menampilkan juara Zon Timur dan Selatan, Politeknik Kota Bharu (PKB) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selain naib juara Zon IPT swasta, Universiti Industri Selangor (UNISEL) ditambah naib juara dari selatan, Universiti Tun Hussein Onn.

Aksi dalam Kumpulan C juga cukup unik dengan tiga pasukan daripada Borneo akan berentap diketuai juara dan naib juara Zon Sarawak - UITM Sarawak dan Politeknik Kuching (PK) selain naib juara Zon Sabah, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan wakil dari Zon Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin (USZA).

Juara Zon Utara dan IPT Swasta, Kolej Komuniti Kepala Batas (KKKB) dan Universiti Multimedia Malaysia (MMU) pula akan beraksi dalam kumpulan D yang turut membariskan pasukan venue tuan rumah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan wakil Sabah, Kolej Yayasan Sabah (KYS).

Semua aksi dalam kumpulan A akan dilangsungkan di Stadium UiTM Shah Alam manakala kumpulan B akan dijalankan di Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang dan kumpulan C, di venue baru, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai serta Kumpulan D di Stadium UKM, Bangi.



PELBAGAI aksi pusingan pertama lalu.

WAKIL Kolej Komuniti, KK Grik bakal beri cabaran sengit.

